

## Teguhkan Akidah, Jauhi Perbuatan Syirik

21 Zulkaedah 1442H/ 2 Julai 2021

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا  
هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala**

Kita hendaklah berusaha menjaga dan mempertahankan akidah daripada perkara yang merosakkannya seperti syirik. Syirik bermaksud mempersekutukan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, dengan meyakini dan mempercayai ada makhluk yang lebih berkuasa dan mampu member manfaat serta mudharat selain daripada Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Syirik adalah dosa terbesar di sisi Allah Subhanahu wa-Ta'ala. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Nisa ayat 48:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan Syariat-Nya).”*

Perbuatan menyembah selain daripada Allah seperti menyembah berhala dan patung adalah dosa paling besar. Kita hendaklah menjauhi daripada amalan-amalan yang juga boleh membawa kepada syirik. Antaranya ialah mempercayai amalan khurafat perbomohan, tangkal dan azimat, memakai susuk dan sebagainya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan Imam al-Hakim yang bemaksud;

*“Sesungguhnya tangkal, azimat dan guna-guna itu adalah syirik.”*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala**

Ketahuilah sesungguhnya syirik itu terbahagi kepada dua iaitu syirik jali (jelas) dan syirik khafi (tersembunyi). Contoh syirik jali ialah mempercayai ramalan tukang tilik, sihir dan lain-lain. Perlu kita sedari syirik kedua (syirik khafi) amat dibimbangi oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menimpa kepada umatnya. Sabda Baginda dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ قَالُوا وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ الرِّيَاءُ

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya apa yang paling aku takut terjadi ke atas kamu adalah Syirik yang tersembunyi. Para Sahabat bertanya. “Apakah Syirik yang tersembunyi itu, ya Rasulullah?” Baginda menjawab, “Riak.”*

Ingatlah syirik dalam apa jua bentuk menyebabkan amalan baik kita tidak diterima oleh Allah Subhanahu wa-Ta’ala dan tempatnya ialah neraka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّهُ، مَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ وَمَأْوَهُ النَّارُ وَمَا

لِلظَّالِمِينَ مِنْ أَنْصَارٍ ﴿٧٢﴾

Yang bermaksud: *Bahawasanya, sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya syurga dan tempat kembalinya ialah ke neraka dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang yang berlaku zalim.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.